

Nasihat Datuk Sanusi
pada pengusaha2 Melayu:

Jangan kendali perniagaan secara politik

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

KUALA LUMPUR, Sabtu — Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid menasihatkan orang-orang Melayu jangan mengendalikan perniagaan secara politik, dan jangan mengendalikan politik secara perniagaan.

Beliau khuatir, sekiranya dikendalikan politik seperti berniaga, rasuah akan berleluasa. Ini kerana adanya 'kuasa' di dalam politik.

"Kalau politik dikendalikan secara berniaga, 'kuasa' itu akan disalahgunakan," kata Datuk Sanusi ketika merasmikan mesyuarat agung Persatuan Pengusaha-pengusaha Lori Melayu Semenanjung.

"Kita juga tidak boleh mengendalikan perniagaan secara politik," tambah beliau, "kerana jika dilakukan juga, berkelahilah ia".

Ini disebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati sesama sendiri, terutama pada mereka yang tidak mendapat perhatian dari sesuatu pihak.

Apa yang penting dalam perniagaan, tegas Datuk Sanusi, ialah hubungan baik bersama juga dengan pegawai-pegawai yang berkaitan dengan perniagaan berkenaan.

Beliau juga menyeru pengusaha-pengusaha Melayu menunjukkan tahap pencapaian yang tinggi dalam segala urusan perniagaan untuk mendapatkan bantuan kewangan pihak-pihak tertentu, terutamanya.

"Kalau kita tidak dapat menunjukkan pencapaian yang baik dan tidak memberikan butir-butir yang memberangsangkan, tidak siapa yang bersemangat membantu kita," katanya lagi.

Menurut Datuk Sanusi, dalam dunia perniagaan, tidak ada pertolongan secara percuma. Ia berasaskan tiga faktor.

"Satu, kerana dia untung. Kedua, kerana dia takutkan kita. Dan ketiga, kerana Allah."

Mengenal perusahaan lori, Datuk Sanusi menggesa pengusaha-pengusaha mencari perkhidmatan yang lebih, di samping menyediakan khidmat yang lain.

Beliau berharap Persatuan tersebut dapat dijadikan forum untuk ahli-ahli bertukar pendapat dan mencari pelanggan membantu perusahaan mereka.

Oleh itu, beliau mengesyorkan diadakan sekerap-kerapnya mesyuarat jawatankuasa untuk membantu kejayaan pengusaha-pengusaha tersebut.